



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

## "ZULHIJAH: MENGANDUNGI GANJARAN IBADAH"

23 Jun 2023 / 4 Zulhijah 1444

الْحَمْدُ لِلّٰهِ<sup>1</sup> تَحْمِدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ، وَنَعُوذُ بِاللّٰهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِي اللّٰهُ فَلَا مُضِلٌّ لَهُ، وَمَنْ يُضْلِلُ فَلَا هَادِيَ لَهُ أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسِلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>2</sup> وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالثَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فِيمَا عِبَادَ اللّٰهِ اتَّقُوا اللّٰهَ<sup>3</sup> أَوْ صِنْكُمْ وَإِيَّاهُ يَتَقَوَّى اللّٰهُ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Jemaah yang dilimpahi rahmat Ilahi,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan Nya; berazam menjauhkan diri daripada melakukan dosa, serta menghindarkan diri daripada sifat-sifat mazmumah yang menghitamkan hati dan merosakkan amal. Mudah-mudahan kita dikembalikan ke hadrat Allah SWT dalam keadaan yang tenang dan sejahtera. Mimbar akan memperdengarkan khutbah bertajuk: "ZULHIJAH: MENGANDUNGI GANJARAN IBADAH"

Syukur ke hadrat Ilahi atas ihsan kurniaan Nya, membolehkan kita sekali lagi dipertemukan dengan bulan Zulhijah, bulan yang terkandung di dalamnya banyak kelebihan amalan ibadah. Kelebihan bulan Zulhijah, terutamanya 10 hari terawalnya, terkandung dalam surah al-Fajr ayat 1 dan 2;

﴿وَالْفَجْرِ ﴾١﴿ وَلَيَالٍ عَشْرٍ ﴾٢﴾

Bermaksud: "Demi waktu fajar; Dan malam yang sepuluh (yang mempunyai kelebihan di sisi Allah)"

Ibnu Abbas mentafsirkan ayat mengenai malam yang sepuluh, merujuk kepada sepuluh malam pertama bulan Zulhijah. Manakala Al-Hafiz Ibnu Hajar al-'Asqalani, berpendapat bahawa sepuluh hari terawal Zulhijah, mempunyai kelebihan tersendiri

<sup>1</sup> Pujian kepada Allah SWT

<sup>2</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>3</sup> Pesan Taqwa



kerana terhimpun di dalamnya beberapa ibadah utama yang besar nilainya. Kelebihan sepuluh hari terawal Zulhijah, diperkuuhkan dengan hadis yang diriwayatkan daripada Ibnu Abbas RA, Nabi SAW bersabda:

مَا مِنْ أَيَّامٍ الْعَمَلُ الصَّالِحُ فِيهَا أَحَبُّ إِلَى اللَّهِ مِنْ هَذِهِ الْأَيَّامِ يَعْنِي أَيَّامَ الْعَشْرِ ، قَالُوا : يَا رَسُولَ اللَّهِ ، وَلَا إِجْهَادٌ فِي سَبِيلِ اللَّهِ ، إِلَّا رَجُلٌ خَرَجَ بِنَفْسِهِ وَمَا لَهُ ، فَلَمْ يَرْجِعْ مِنْ ذَلِكَ بِشَيْءٍ

Maksudnya: "Tiada hari yang amalan soleh paling disukai Allah untuk dilakukan, melainkan hari-hari ini baginda memaksudkan: 10 hari terawal Zulhijah. Para sahabat bertanya, "Wahai Rasulullah, Walaupun jihad di jalan Allah (tidak dapat menandinginya)? "Baginda bersabda, "Walaupun jihad di jalan Allah melainkan seorang lelaki yang keluar berjihad bersama jiwa dan hartanya, kemudian harta dan jiwanya tidak kembali (syahid)."

(Hadis Riwayat al-Bukhari)

Di samping kelebihan ganjaran terhadap ibadah yang dilakukan; perbuatan maksiat hendaklah dijauhi. Ahli tafsir, Ibnu Kathir dan Ar-Razi memperingatkan;

أَنَّ الْمَغْصِيَةَ فِيهَا أَشَدُ عَقَابًا، وَالطَّاعَةَ فِيهَا أَكْثُرُ ثَوَابًا

Maksudnya: Sesungguhnya maksiat (yang dilakukan) padanya (hari tersebut) lebih berat akibatnya (dosa) dan ketaatan (yang dilakukan) padanya (hari tersebut) pahalanya berganda.

Oleh itu ummah sangat dianjurkan menghidupkan 10 hari ini dengan amalan kebajikan. Sebahagian sarjana Islam berpandangan sepuluh hari awal Zulhijah lebih baik daripada sepuluh siang hari terakhir Ramadan kerana pada bulan Zulhijah terdapat Hari Arafah; manakala terdapat keistimewaan Lailatulqadar pada sepuluh malam terakhir Ramadan.

### **Sidang Jumaat yang dikasihi Allah,**

Ibadah haji merupakan kemuncak amal pada bulan Zulhijah. Mereka yang dikurniakan rezeki terpilih menjadi tetamu Allah untuk mengerjakan rukun haji, ketika ini sedang berhimpun di tanah suci Mekah al-Mukarramah. Semoga urusan mereka untuk menyempurnakan Rukun Islam kelima, dipermudahkan oleh Allah SWT.



Semoga mereka dikurniakan kesihatan tubuh badan, kekuatan semangat dan kekuatan tenaga, untuk berjaya menyempurnakan ibadah haji. Semoga mereka dikurniakan haji yang mabrur, dan dipermudahkan perjalanan pulang ke tanah air masing-masing setelah sempurnakan menunaikan rukun haji.

Ibadah haji sangat istimewa kerana umat Islam dari segenap penjuru dunia, berlatarbelakangkan pelbagai bangsa, budaya dan negara, berhimpun di tanah suci Mekah al-Mukarramah, dengan tujuan beribadah yang satu. Ummah bersedia mengorbankan wang simpanan, pekerjaan, perniagaan dan masa, berpisah dengan keluarga dan meninggalkan rumah kediaman yang mewah serta kampung halaman, menahan nafsu, semata-mata untuk mengabdikan diri kepada Allah Yang Esa. Firman Allah SWT:

وَلَلَّهُ عَلَى النَّاسِ حُجُّ الْبَيْتِ مَنِ اسْتَطَعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا

Bermaksud:...“Dan Allah mewajibkan manusia mengerjakan ibadat haji (dengan mengunjungi Baitullah) iaitu sesiapa yang mampu sampai kepadanya...”

(Surah Ali-'Imran ayat 97)

Kemuncak penyempurnaan ibadah haji, ialah wuquf di Arafah pada sembilan Zulhijah. Ketika itu seluruh kawasan Arafah dibanjiri lautan manusia. Tanpa mengira darjah, keturunan atau pangkat; kaya maupun miskin, kesemuanya berpakaian ihram yang sama, iaitu dua helai kain putih; masing-masing dengan penuh rasa keinsafan mendambakan diri, berdoa memohon keampunan dan keredaan llahi. Berwuquf di Arafah merupakan rukun haji yang sangat agung sebagaimana sabda Rasulullah SAW:

الْحُجُّ عَرْفَةُ

Maksudnya: "Haji itu ialah (berwuquf di) Arafah"

**Para tetamu Allah yang dimuliakan,**

Mimbar menasihatkan perkara-perkara berikut;

**Pertama:** Rebutlah peluang kelebihan beribadah semasa sepuluh hari pertama bulan Zulhijah; banyakkan solat berjemaah, tadabbur al-Quran, berselawat dan berzikir.



**Kedua:** Berpuasa sunat pada sembilan hari pertama bulan Zulhijah, setidak-tidaknya dan diutamakan untuk berpuasa sunat pada hari ke-9 Zulhijah, iaitu pada hari Arafah kerana ganjarannya sangat besar. Sabda Baginda SAW:

**صِيَامُ يَوْمِ عَرْفَةِ إِنِّي أَحْتَسِبُ عَلَى اللَّهِ أَنْ يُكَفِّرَ السَّنَةُ الَّتِي قَبْلَهُ وَالسَّنَةُ الَّتِي بَعْدَهُ**

Bermaksud: "Puasa hari Arafah, aku berharap kepada Allah supaya ia dapat menghapuskan dosa-dosa setahun sebelumnya dan juga tahun sesudahnya."

(Riwayat al-Tirmizi)

**Ketiga:** Hindari maksiat kerana sebagaimana bergandanya pahala amalan kebaikan pada bulan haram, begitu juga berganda dosa akibat maksiat dan kejahanan yang dilakukan pada bulan haram.

**Keempat:** Menyemaikan niat dan azam untuk menunaikan ibadah haji, iaitu Rukun Islam yang kelima yang wajib atas semua Muslim yang mukalaf. Lakukan perancangan awal melalui tabungan bulanan secara tetap, serta mendaftar awal dengan Lembaga Urusan Tabung Haji.

**Kelima:** Beramal baik sesama makhluk; menyantuni ahli-ahli keluarga terutama mereka yang lebih tua; hulurkan bantuan dan derma kepada orang-orang yang dalam kesusahan, orang-orang yang sedang sakit dan uzur, fakir miskin, ibu tunggal dan anak yatim.

Firman Allah SWT bermaksud: "Maka sesiapa berbuat kebajikan seberat zarah, nescaya akan dilihatnya (dalam surat amalnya). Dan sesiapa berbuat kejahanan seberat zarah, nescaya akan dilihatnya (dalam surat amalnya)." (Surah al-Zalzalah, ayat 7 hingga 8)

**بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ وَنَفْعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقْبِيلِ  
مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ  
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءُ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ  
إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.**



## Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>4</sup> حَمْدًا دَائِمًا أَبَدًا. أَشْهَدُ أَن لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا  
مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا  
بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! إِتَّقُوا اللَّهَ، وَكُوْنُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

**Muslimin yang dirahmati Allah,**

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyak selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْيَهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوْا عَلَيْهِ وَسَلَّمُوا تَسْلِيمًا<sup>7</sup>

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ  
عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ  
حَمِيدٌ مَحِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ<sup>8</sup>، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ  
وَالْأَفْ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثِبِّهِمْ عَلَى مَلَةِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ.

**Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin!** Dengan keberkatan 10 hari awal bulan Zulhijah, Engkau ampuni segala dosa kami, dosa kedua-dua ibu bapa kami, dosa ahli-ahli keluarga kami, dosa guru-guru kami, dan dosa umat Islam keseluruhannya; mudahkan urusan kami dan bimbinglah kami untuk memperbanyakkan amal soleh; hindari kami daripada melakukan perkara yang tidak bermanfaat, apatah lagi yang mengundang kemurkaan Mu.

<sup>4</sup> Memuji Allah

<sup>5</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>6</sup> Pesan Taqwa

<sup>7</sup> Ayat Al-Quran

<sup>8</sup> Doa untuk Kaum Muslimin



**Ya Mannan! Ya Razzaq!**, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan tuntutan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fugara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

**Ya Dzal Jalaali wal Ikram!**, jadikanlah kami antara hamba Mu yang memelihara amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat seperti salah guna harta benda bukan milik kami, memberi atau menerima rasuah, menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri, serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab yang diamanahkan.

**Ya Maalikal Mulk!**, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

**Ya Malik! Ya Hadi!**, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

**رَبَّنَا إِنَّا فِي الْأَخْرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ**

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَانَ وَنَهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاسْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمَهِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرِ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.